



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 9/11/2017 p.25

Tokoh Islam zaman Victorian Britain

(sebuah bandar di Barat Laut Maghribi), beliau patuh kepada Islam dan mengaku bahawa Islam adalah agama yang benar.

Hasil usaha dakwahnya, beberapa tokoh menerima Islam termasuk Profesor Nasrullah Warren, Profesor Haschem Wilde dan mantan Datuk Bandar. Stalybridge, Resched P Stanley.

Beliau meninggal dunia di London pada 1932 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Brookwood, Surrey. Dua lagi tokoh Inggeris Islam yang berpengaruh pada abad ke-19, Baron Headley dan Marmaduke Pickthall juga dikebumikan di situ.

Marmaduke William Pickthall atau Muhammad Marmaduke Pickthall lahir

pada 1875 di London. Beliau seorang tokoh Inggeris Islam yang banyak jasanya.

Sumbangan hebatnya termasuk menterjemahkan al-Quran ke bahasa Inggeris pada 1930.

Beliau mengisytiharkan pengislamannya selepas menyampaikan ceramah bertajuk **Islam dan Kemajuan** kepada Pertubuhan Sastera Muslim di Notting Hill, Barat London pada 29 November 1917.

Pada 1919, beliau bekerja di Biro Informasi Islam berpusat di London. Apabila selesai menyiapkan novel terakhirnya bertajuk **Early Hours** pada 1920, beliau berlepas ke India dan berkhidmat sebagai editor untuk **Bombay**

Chronicle.

Pada 1927, Pickthall mengambil alih tugas sebagai editor untuk jurnal baru **Islamic Culture** yang diterbitkan setiap suku tahun.

Beliau juga menyampaikan lapan kuliah ketamadunan Islam atas jemputan Jawatankuasa Madras Lectures on Islam di Madras, India.

Hasil pembentangan kuliahnya itu kemudian diterbitkan di bawah tajuk **The Cultural Side of Islam** pada 1961 oleh SM Ashraf Publishers, Lahore.

Misi untuk menterjemah al-Quran sudahpun ada dalam perancangan Pickthall sejak beliau menerima Islam. Beliau menyatakan menjadi

kewajipan ke atas semua Muslim mengetahui isi kandungan al-Quran.

Pada 1930, beliau menerbitkan terjemahan bertajuk **The Meaning of the Glorious Koran**. Beliau mengekalkan penggunaan kalimah Allah dan menegaskan bahawa nama untuk Allah tidak dapat diterjemahkan.

Terjemahan itu mendapat pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar dan Times Literary Supplement yang memuji usahanya dan dianggap sebagai satu pencapaian sastera yang hebat.

Sumbangan besar Pickthall terhadap dunia Islam menyebabkan beliau dianggap sebagai Soldier of faith! True servant of

Islam!

Seorang lagi tokoh Inggeris Muslim ialah Rowland George Allanson-Winn atau dikenali sebagai Shaikh Rahmatullah al-Farooq.

Dilahirkan di London pada 19 Januari 1855. Beliau seorang jurutera awam daripada King's College, London dan menerima Islam pada 16 November 1913.

Tahun berikutnya, beliau menubuhkan British Muslim Society dan menulis beberapa buku. Beliau juga menulis artikel untuk majalah bulanan **Islamic Review**. Beliau meninggal dunia pada usia 80 tahun pada 1935.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

William Henry Abdullah Quilliam (1856-1932) dipercayai 'Englishman' pertama memeluk agama Islam. Pengislamannya membawa kepada perkembangan Islam lebih meluas ketika zaman Victorian Britain.

Dalam ucapannya di Kaherah pada 1928, katanya, beliau membaca terjemahan kitab suci al-Quran dan sebuah buku bertajuk **Hero** hasil tulisan Carlyle dan banyak lagi buku lain.

Jelasnya, apabila meninggalkan Tangier